



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Blok A, Tingkat 8 - 11,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,
88400 Kota Kinabalu, Sabah



Tel.: 088-368397 Faks: 088-211392 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: (A)100-4/101 JLD.6 ()

Tarikh : 11 Januari 2022

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BILANGAN 3 TAHUN 2022 BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN

1. TUJUAN

- 1.1. Pekeliling ini bertujuan untuk melaksanakan Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) kepada Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) yang menjalankan tugas pengurusan kewangan sepenuh masa.
- 1.2. Pekeliling ini juga bertujuan untuk memberi garis panduan mengenai prosedur yang terlibat dalam memohon BITK untuk pegawai seperti berikut;
 - (i) pegawai dalam skim perkhidmatan di Gred 28 dan ke bawah dengan syarat jawatan tersebut telah ditetapkan untuk menjalankan tugas pengurusan kewangan sepenuh masa tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan; atau
 - (ii) seorang pegawai dalam skim perkhidmatan lain¹ di Gred 28 dan ke bawah yang ditempatkan bertugas di pejabat kecil dengan syarat jawatan tersebut telah ditetapkan untuk menjalankan tugas dalam bidang pengurusan kewangan selain menjalankan tugas hakikinya.
- 1.3. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bilangan 14/2021 bertarikh 02 Disember 2021.

2. TARIKH PELAKSANAAN

- 2.1 Tarikh permulaan BITK boleh dibayar ialah pada 02 Disember 2021.

2/...

¹ Sekiranya pewujudan perjawatan Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) di pejabat kecil tersebut adalah tidak ekonomik.

“SABAH MAJU JAYA”



3. KAEDAH PELAKSANAAN

- 3.1. Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan Borang Permohonan BITK (JBN 45 Pin.2021) bersama salinan senarai tugas ke Jabatan Bendahari Negeri Sabah untuk perakuan dan pengesahan.
- 3.2. Jabatan Bendahari Negeri Sabah akan mengemukakan borang permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri untuk mendapatkan kelulusan.

4. KAEDAH BAYARAN

- 4.1. Pembayaran BITK akan dibayar secara automatik melalui Sistem Gaji Pusat (SGP) serentak dengan gaji bulan Januari 2022. Bayaran dibuat hanya kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri termasuk Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS) yang aktif kod bayaran BITK melalui SGP pada Januari 2022.
- 4.2. Pembayaran hanya boleh dibuat melalui SGP. Oleh yang demikian, bagi anggota yang tidak aktif kod bayaran BITK tetapi layak dibayar BITK, Jabatan hendaklah menyediakan input melalui Sistem e-Pay A3 dan menghantar input mengikut Jadual Penghantaran Input Bulanan. Borang Input PAY-A3 hendaklah disokong dengan dokumen-dokumen seperti berikut:-
- i. Borang JBN. 54(a)
 - ii. Borang JBN. 54(b)
 - iii. Slip Gaji
 - iv. Borang Asal BITK yang telah diluluskan
 - v. Dokumen lain yang berkaitan, jika diperlukan
- 4.3. Kod Bayaran Insentif Tugas Kewangan

Kod Bayaran Insentif Tugas Kewangan adalah seperti berikut:

KOD OBJEK	KOD SGP	SINGKATAN	PERIHAL
12109	537	BITK1	BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN
12642	618	T.BITK1	TUNGGAKAN BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN
12209	539	BITK2	BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN
12742	639	T.BITK2	TUNGGAKAN BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN

5. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- 5.1. Pusat Kawalan Sistem Perakaunan akan mengeluarkan Laporan Senarai Nama Penerima BITK kepada semua Kementerian/Jabatan di bawah SGP termasuk Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS) untuk semakan masing-masing. Laporan berkenaan adalah berdasarkan kepada maklumat anggota dalam SGP.
- 5.2. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab memantau dan memastikan bahawa anggota yang dibayar BITK menjalankan tugas pengurusan kewangan sepenuh masa dan menghentikan bayaran BITK apabila anggota tersebut tidak lagi menjalankan tugas pengurusan kewangan. Ketua Jabatan bertanggungjawab membuat pelarasan semula BITK yang telah dibayar jika berlaku salah bayaran.
- 5.3. Sekiranya anggota yang sedang menerima BITK bertukar ke Jabatan lain maka Ketua Jabatan hendaklah memastikan BITK dihentikan pada tarikh yang berkenaan. Jika anggota berkenaan dikehendaki untuk melaksana tugas kewangan di jabatan baharu, Ketua Jabatan berkenaan hendaklah mengemukakan permohonan yang baharu.

6. PERTANYAAN

Jika ada kemusykilan mengenai pelaksanaan pekeliling ini, sila hubungi Akauntan Seksyen Saraan, Bahagian Operasi Pusat di talian 088-368516 atau hantar makluman melalui emel ke bn.jbn@sabah.gov.my untuk penerangan lanjut.

7. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, maka Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Sabah Bilangan 7 Tahun 2000 dibatalkan mulai 02 Disember 2021.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



**(DATIN MARY ANGELA SIPAUN C.A(M), FCPA(A), ASEAN (CPA))
Bendahari Negeri**

JH/ZAY/JG

- s.k. Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Aras 28, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 Kota Kinabalu, Sabah.

“SABAH MAJU JAYA”